

11 MAR 1998

MALAYSIA MAHU TARIK SYARIKAT JERMAN SERTA MSC

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Malaysia telah memulakan usaha untuk menarik syarikat teknologi maklumat (IT) dan multimedia Jerman bagi menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC, yang dianggap sebagai medan ujian komprehensif bagi memaju dan menguji teknologi multimedia baru, adalah kawasan yang mempunyai keluasan 15 kilometer kali 50 kilometer yang akan dipenuhi dengan prasarana maklumat dan fizikal yang bertaraf dunia.

Dalam satu kenyataan, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd menyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai rombongan ke Jerman selama tiga hari bermula pada 19 Mac ini untuk memperkenalkan MSC.

Mahathir akan menyampaikan ucapan utamanya pada Persidangan Pelabur MSC yang dianjurkan oleh Deutsche Messe AG.

Sepanjang misi itu, rombongan Malaysia akan menemui ketua-ketua IT dan multimedia Jerman di Hannover. Siemens AG akan menjadi penganjur kepada pertemuan itu.

Rombongan itu juga dijangka melawat beberapa kemudahan syarikat Jerman yang berasaskan teknologi termasuk Krone di Berlin dan Deutsche Telekom's Future Lab.

Pada 1996, Malaysia adalah rakan dagangan ke-28 terbesar Jerman dan kedua terbesar di Asean, menjual barangan bernilai melebihi DM8.9 bilion (RM18.69 bilion).

Hingga kini, hampir 200 syarikat daripada pelbagai negara di seluruh dunia termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia, telah memohon untuk menyertai MSC, demikian menurut kenyataan itu.

Daripada jumlah itu, 115 telah diberikan status MSC termasuk Siemens Multimedia Sdn Bhd milik Jerman.

Terletak di pusat kegiatan pasaran tersibuk di Asia, MSC akan menyediakan potensi penuh multimedia dengan memasukkan undang-undang siber dan prasarana maklumat dalam suasana fizikal yang menarik.

MSC akan menjadi tapak pelancaran serantau bagi syarikat-syarikat untuk membangun atau menggunakan kelebihan-kelebihan daripada hubungan multi budaya, kepimpinan yang komited serta rekod prestasi dalam memajukan produk dan perkhidmatan bagi pasaran serantau dan global. -- BERNAMA

AA ZK OS